



KPDNHEP patah cubaan seludup minyak masak ke Thailand

15/04/2020 02:44 PM

TANAH MERAH, 15 April -- Walaupun tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memasuki fasa ketiga, namun masih terdapat pihak yang melakukan aktiviti penyeludupan bekalan barang kawalan ke negara jiran melalui sempadan Malaysia-Thailand.

Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tanah Merah Ahmad Azizi Abdul Kadir berkata terbaru pihaknya berjaya merampas 2,210 kilogram minyak masak dan 90 liter petrol yang keseluruhannya bernilai RM5,637 di sebuah rumah di Kampung Renab, Air Lanas, Jeli, petang semalam.

"Rumah terbabit dipercayai dijadikan tempat penyimpanan sementara sebelum bekalan barang kawalan terbabit di seludup ke negara jiran melalui sungai Golok yang terletak 250 meter dari rumah itu.

"Namun dalam serbuan yang dilakukan dengan kerjasama Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) pada pukul 4 petang itu, suspek berusia 30-an berjaya mlarikan diri selepas menyedari kehadiran pihak kami," katanya pada sidang media di pejabat KPDNHEP Tanah Merah di sini, hari ini.

Ahmad Azizi berkata hasil siasatan, minyak masak itu dipercayai diperoleh dari Lembah Klang untuk diseludup ke Thailand berikutan harga bekalan itu dijual pada harga yang tinggi di negara terbabit berbanding di pasaran Malaysia.

Sehubungan itu, pihaknya memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat berkenaan aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan--- BERNAMA

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1832136>

[https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1832301 \(Edisi English\)](https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1832301)

